

dan membuka dengan seluas-luasnya pekerjaan “tumbuk rusuk”

yang haram itu berjalan dari satu masa ke suatu masa.

-----\*-----\*

-----\*-----\*

## LOTERI KERAJAAN

Loteri kerajaan sedang berjalan di Persekutuan

Tanah Melayu. Loteri itu diadakan dengan tujuan untuk kebajikan masyarakat umum. Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan di Persekutuan Tanah Melayu telah diminta supaya berkenan kepada tujuan-tujuan loteri itu dan mereka itu dikatakan telah memperkenankan kehendak-kehendak mengadakan loteri itu dengan bersyarat, tidaklah orang Islam digalakkan membeli loteri yang tersebut – yakni tidak ada suatu langkah yang bertujuan orang-orang Islam tergalak membeli loteri itu.

Tidaklah tujuan saya di sini hendak menulis tentang hukum berkenaan dengan loteri yang haramnya sudah sebegini terang tetapi tujuan saya di sini menulis ialah bagaimana janji sudah tidak ditepati lagi dengan kerana pentadbir-pentadbir loteri telah pun menggalakkan orang-orang Islam membelinya dengan bukti yang nyata sekali ada disiarkan dalam siaran-siaran yang bertulis dengan huruf Melayu telah pun ditaburkan di sana sini di serata-serata – tidakkah ini sudah melanggar janji dan akuan kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan? Tidakkah ini boleh disifatkan suatu penggalak kepada orang-orang Islam membeli loteri itu ?

Orang awam mengetahui bahawa salah satu daripada

tujuan-tujuan loteri itu diadakan, tidak lain dan

tidak bukan untuk kebajikan masyarakat tetapi kalau

dilihat kepada wang-wang lebih sebanyak \$26,000,000 itu tidaklah munasabah lagi diadakan kerana kebajikan masyarakat sedang sebagai seorang Islam dan juga saya percaya

Sultan-sultan dan penasihat-penasihatnya daripada orang-orang yang beragama Islam dan berperasaan Islam sudah tentu mengetahui bahawa perbuatan-perbuatan membuat barang-barang yang haram itu akan terkena qisasnya kepada umum dan sebab itulah sudah tiba masanya bahawa yang demikian itu semolek-moleknya tidak dijalankan lagi.

Walaubagaimanapun, sekurang-kurangnya perbuatan menggalakkan orang Islam yang telah dilakukan itu patutlah ditempelak oleh Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai perbuatan “mungkir janji” yang boleh dijadikan hujah bahawa perbuatan itu seolah-olah mempermain-mainkan taraf Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan itu.

Mudah-mudahan hak yang demikian ini mendapat perhatian supaya sesat dijalani balik ke pangkal – hutang dibayar janji ditepati adanya.

Kalau tak dapat kita menolong orang ini hari, jangan kita katakan “sayang! kalau kelmarin tuan datang tentu sudah saya tolong” kerana menolong orang dengan cara begini, tidak ada orang yang tidak boleh.

Kalau betul mereka hendak menolong, lebih baik kita katakan : “Kalau esok (atau lusa) tuan datang tentu saya akan tolong tuan.”

*Ini ialah pakaian perempuan  
di Mesir – pakaian ini tidak mengikut  
pakaian secara Islam dan pakaian cara  
inikah yang kita kejar untuk menuntut  
kemajuan?!*

